

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK
(Versi Bahasa Melayu)
Produk: Kad Kredit-i Bank Rakyat
Date: 1 Jun 2026

Pelanggan yang dihargai,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan maklumat utama mengenai Kad Kredit-i Bank Rakyat. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna, anda juga harus membacanya.

1. Apakah itu Kad Kredit-i Bank Rakyat

- Ia merupakan Kad Kredit-i MasterCard dengan had pembiayaan yang diberikan kepada anda di mana jika had pembiayaan yang telah digunakan tetapi belum dijelaskan sepenuhnya sebelum tarikh matang akan dikenakan sejumlah caj keuntungan.
- Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip Syariah iaitu Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'd daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai ejen pelanggan, Bank menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun khas bagi membolehkan pelanggan melakukan urusan niaga pembelian barangan atau lain-lain perkhidmatan.

c. Jenis kad yang ditawarkan:

Kad Kredit-i World Bank Rakyat	Kad Kredit-i Alumni Jit Sin Bank Rakyat
Kad Kredit-i Xclusive Explorer Bank Rakyat	Kad Kredit-i PAUTM Bank Rakyat
Kad Kredit-i Explorer Bank Rakyat	Kad Kredit-i Perodua Bank Rakyat
Kad Kredit-i Platinum Bank Rakyat	Kad Kredit-i Emas Bank Rakyat
Kad Kredit-i Muslimah Bank Rakyat	Kad Kredit-i Emas PDRM Bank Rakyat
Kad Kredit-i Cikgu Sejati Bank Rakyat	Kad Kredit-i MyF1RST Bank Rakyat
Kad Kredit-i Platinum PDRM Bank Rakyat	

Nota: Sila layari laman sesawang Bank Rakyat untuk ciri-ciri produk

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai ilustrasi, bagi Kad Kredit-i ini:

 Had limit Kad Kredit-i anda: RM5,000
 Baki penyata anda: RM400
 Bayaran minimum anda: RM50
 Tarikh akhir bayaran: 26 Mei 2026

- Sekiranya anda memilih untuk membayar baki penuh penyata sebanyak RM400 sebelum tarikh akhir 26 Mei 2026, anda tidak akan dikenakan sebarang keuntungan.
- Sekiranya anda hanya membuat bayaran minimum RM50 sebelum 26 Mei 2026, caj keuntungan sebanyak 13.5% / 17% / 18% setahun (bergantung kepada rekod pembayaran) akan dikenakan ke atas baki tertunggak anda
- Ini akan menambah kira-kira RM6 caj kewangan ke bil seterusnya dan anda akan kehilangan tempoh tanpa keuntungan bagi semua perbelanjaan baharu.

Adalah tanggungjawab anda untuk:

- Membaca dan memahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum menerimanya.
- Membayar baki tertunggak anda tepat pada masanya.
- Menghubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak mampu membuat bayaran bulanan.

 Caj Keuntungan
 (runcit)

	Kadar Keuntungan Tahunan	Kriteria	Peringkat
Runcit	13.5%	Bukan Anggota Bank Rakyat	Tier 1: Bayaran minimum diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 9 bulan berturut-turut
	13.0%	Anggota Bank Rakyat	
	17.0%	Bukan Anggota Bank Rakyat	Tier 2: Bayaran minimum diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 6 bulan atau lebih dalam tempoh 9 bulan
	15.5%	Anggota Bank Rakyat	
	18.0%	Bukan Anggota Bank Rakyat	Tier 3: Tidak memenuhi syarat-syarat Tier 1 dan Tier 2 di atas.
	17.0%	Anggota Bank Rakyat	

Pengeluaran Tunai

18% dikira secara harian dari tarikh transaksi sehingga tarikh bayaran penuh.

Pindahan Baki

Kadar Keuntungan Tahunan	
0.25% sebulan atau 3% setahun	3 bulan pertama
1.125% sebulan atau 13.5% setahun	Bulan ke-4 sehingga jumlah pindahan selesai dibayar

 Bayaran Minimum Bulanan = (A) + (B) + (C) + (D) + (E)
 ATAU RM50, yang mana lebih tinggi.

Komposisi bayaran minimum bulanan adalah terdiri daripada:

- 5% daripada baki tertunggak (termasuk transaksi runcit, pindahan baki (tanpa ansuran), pengeluaran tunai, caj keuntungan, Cukai Perkhidmatan Kad, yuran tahunan (sekiranya ada), cukai tambahan yang dikenakan (sekiranya ada) dan lain-lain fi (sekiranya ada) **DAN**
- Pelan ansuran bulanan (kontrak ansuran bulanan FLEXI, EPP, pindahan baki dan sebarang ansuran lain dari masa ke masa) yang dilanggan selepas **31 Mei 2020 DAN**
- Kontrak ansuran bulanan pembiayaan berjadual bagi Automatic Balance Conversion (ABC) sekiranya ada **DAN**
- Bayaran minimum bulanan yang tertunggak **DAN**
- Amaun penggunaan melebihi had pembiayaan **ATAU**

Bayaran minimum sebanyak RM50 daripada jumlah baki tertunggak, yang mana lebih tinggi.

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan.

Yuran dan caj termasuk:

Yuran dan caj	Huraian	Yuran dan caj	Huraian																																					
1. Yuran Tahunan	<table><tr><th>Jenis Kad</th><th>Kad Utama (RM)</th><th>Kad Tambahan (RM)</th></tr><tr><td>Platinum</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Alumni Jit Sin</td><td>388</td><td>150</td></tr></table> Nota: a) Yuran tahunan adalah DIKECUALIKAN bagi tahun pertama. Yuran tahunan juga dikecualikan bagi tahun kedua dan seterusnya, dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) penggunaan setahun. b) Tertakluk kepada cukai perkhidmatan 8%, jika berkenaan.	Jenis Kad	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)	Platinum	388	150	Alumni Jit Sin	388	150	2. Bayaran Perkhidmatan Pengeluaran Tunai	a. Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter Bank Rakyat akan dikenakan fi sebanyak 3% ke atas jumlah pengeluaran tunai, atau RM20 yang mana lebih tinggi. b. Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter bank-bank lain, fi sebanyak 5% akan dikenakan ke atas jumlah pengeluaran tunai, atau RM20 yang mana lebih tinggi. c. Jadual fi perkhidmatan pengeluaran tunai adalah seperti di bawah: <table><tr><th>Saluran</th><th>Jumlah setiap pengeluaran tunai</th><th>Fi perkhidmatan</th></tr><tr><td rowspan="2">ATM atau kaunter Bank Rakyat</td><td>Sehingga RM666</td><td>RM20</td></tr><tr><td>Melebihi RM666</td><td>3% atas jumlah pengeluaran tunai</td></tr><tr><td rowspan="2">ATM atau kaunter bank-bank lain</td><td>Sehingga RM400</td><td>RM20</td></tr><tr><td>Melebihi RM400</td><td>5% atas jumlah pengeluaran tunai</td></tr></table> Nota: Tertakluk kepada cukai perkhidmatan 8%, jika berkenaan.	Saluran	Jumlah setiap pengeluaran tunai	Fi perkhidmatan	ATM atau kaunter Bank Rakyat	Sehingga RM666	RM20	Melebihi RM666	3% atas jumlah pengeluaran tunai	ATM atau kaunter bank-bank lain	Sehingga RM400	RM20	Melebihi RM400	5% atas jumlah pengeluaran tunai															
	Jenis Kad	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)																																					
	Platinum	388	150																																					
	Alumni Jit Sin	388	150																																					
	Saluran	Jumlah setiap pengeluaran tunai	Fi perkhidmatan																																					
	ATM atau kaunter Bank Rakyat	Sehingga RM666	RM20																																					
		Melebihi RM666	3% atas jumlah pengeluaran tunai																																					
	ATM atau kaunter bank-bank lain	Sehingga RM400	RM20																																					
		Melebihi RM400	5% atas jumlah pengeluaran tunai																																					
	<table><tr><th>Jenis Kad</th><th>Kad Utama (RM)</th><th>Kad Tambahan (RM)</th></tr><tr><td>World</td><td>500</td><td>-</td></tr><tr><td>Platinum Xclusive Explorer</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Platinum Explorer</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Muslimah</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Cikgu Sejati</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Platinum PDRM</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>PAUTM</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Perodua</td><td>388</td><td>150</td></tr><tr><td>Emas</td><td>150</td><td>80</td></tr><tr><td>Emas PDRM</td><td>150</td><td>80</td></tr><tr><td>MyF1RST</td><td>150</td><td>80</td></tr></table> Nota: a) Yuran tahunan DIKECUALIKAN tanpa syarat. b) Yuran tahunan bagi kad WORLD dikecualikan dengan perbelanjaan tahunan sebanyak RM40,000 setahun, c) Tertakluk kepada cukai perkhidmatan 8%, jika berkenaan.	Jenis Kad	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)	World	500	-	Platinum Xclusive Explorer	388	150			Platinum Explorer	388	150	Muslimah	388	150	Cikgu Sejati	388	150	Platinum PDRM	388	150	PAUTM	388	150	Perodua	388	150	Emas	150	80	Emas PDRM	150	80	MyF1RST	150	80	3. Permintaan Salinan Penyata Bulanan Kad
Jenis Kad		Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)																																					
World		500	-																																					
Platinum Xclusive Explorer		388	150																																					
Platinum Explorer		388	150																																					
Muslimah		388	150																																					
Cikgu Sejati		388	150																																					
Platinum PDRM		388	150																																					
PAUTM		388	150																																					
Perodua		388	150																																					
Emas	150	80																																						
Emas PDRM	150	80																																						
MyF1RST	150	80																																						
5. Caj Penggantian Kad	RM50 untuk setiap penggantian Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dilakukan.	6. Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran wang asing bagi transaksi di luar Negara adalah seperti yang ditentukan melalui MasterCard International semasa tarikh penerimaan transaksi dan/ atau pemprosesan oleh Bank Rakyat.																																					
				7. Caj atas lebihan had pembiayaan	Tiada	8. Cukai Perkhidmatan (Kad Kredit-i)	<table><tr><th>Kad Utama (RM)</th><th>Kad Tambahan (RM)</th></tr><tr><td>25.00</td><td>25.00</td></tr></table>	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)	25.00	25.00																													
								Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)																															
								25.00	25.00																															

3. Ketahui risiko anda

- Caj lewat bayar sebanyak 1% setahun ke atas baki tertunggak (minimum RM10, maksimum RM100, yang mana lebih rendah) akan dikenakan sekiranya bayaran minimum tidak diterima selewat-lewatnya pada hari ke-4 selepas tarikh akhir bayaran atau kurang daripada 5% daripada baki tertunggak. Caj ini tidak akan dikompakan.
- Bank boleh membuat penolakan atau memindahkan dana daripada mana-mana akaun anda dengan Bank Rakyat bagi menjelaskan baki tertunggak, dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar.
- Anda boleh dipertanggungjawabkan ke atas urusniaga tanpa kebenaran sekiranya anda bertindak melakukan penipuan, lewat melaporkan kehilangan, kecurian atau melakukan urusniaga tanpa kebenaran (mesti dilaporkan dalam tempoh 2 jam), mendedahkan PIN anda kepada mana-mana pihak ketiga, merekodkan PIN anda pada atau berhampiran kad anda, meninggalkan kad tanpa pengawasan atau membenarkan orang lain menggunakannya. Ini terpakai kepada transaksi berasaskan PIN serta transaksi tandatangan / tanpa sentuh.
- Anda akan dipertanggungjawabkan ke atas urusniaga tanpa kebenaran sekiranya anda gagal memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta sebaik sahaja mengetahuinya.
- Bank boleh membatalkan atau menamatkan Kad Kredit-i anda atau perkhidmatan berkaitan dengan notis awal sekiranya anda melanggar Terma dan Syarat atau kad digunakan bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang atau aktiviti yang tidak mematuhi prinsip Syariah. Setelah penamatan dibuat, semua baki tertunggak hendaklah dibayar serta-merta.
- Kad tambahan boleh dibatalkan atas permintaan pemegang kad utama.

4. Terma Utama Lain

- Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat Am. Sekiranya anda gagal mematuhi Terma dan Syarat tersebut, kami berhak menamatkan kad anda.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda hendaklah menghubungi Bank di talian 03-2693 6880 (24 jam) dengan segera bagi memastikan sebarang maklumat dapat disalurkan dengan berkesan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Kad, anda boleh:



Hubungi kami:
 Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
 Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1-300-80-5454



Layari
www.bankrakyat.com.my



Emel kami
telerakyat@bankrakyat.com.my
aduan@bankrakyat.com.my



Imbas kod QR di atas

Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Alamat BNMLINK:
 Tingkat 4,
 Podium Bangunan AICB,
 No. 10, Jalan Dato' Onn,
 50480 Kuala Lumpur.



Sebagai alternatif, rujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 03-2616 7766.